

**TEKS UCAPAN
Y. BHG. PROF. DATUK Ts. DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Majlis Anugerah Gemilang Universiti (AGU) 2018

22 April 2019 (Isnin), 2.30 petang, Pusat Sukan, UTeM

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Terima kasih saudara dan saudari pengacara majlis.

1. **Yang Berbahagia Prof. Datuk Ts. Dr. Mohd Razali bin Muhamad**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa);
2. **Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi);
3. **Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manap**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar);
4. **Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin**
Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti);
5. **Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Goh Ong Sing**
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat);

6. Pegawai-pegawai Kanan Universiti;
7. Barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM;
8. Jawatankuasa Kerja Majlis Anugerah Gemilang Universiti (AGU) 2018
10. Staf, para pelajar, hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Melaka Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

PENDAHULUAN

1. Majlis Anugerah Gemilang Universiti (AGU) 2018 diadakan untuk memberi pengiktirafan di samping meraikan kejayaan dan kecemerlangan staf, mahasiswa dan mahasiswi UTeM yang telah banyak mencapai kejayaan dan mencurahkan bakti mengharumkan nama UTeM khususnya dalam bidang kesukanan, persatuan dan kelab.
2. Alhamdulillah, pihak Universiti amat berbangga dengan pencapaian cemerlang staf dan mahasiswa UTeM yang dikecapi selama ini. Sesungguhnya, pihak Universiti amat menghargai segala usaha dan kesungguhan yang telah tuan-tuan dan puan-puan sumbangkan kepada Universiti tercinta ini.
3. Kejayaan demi kejayaan telah diraih menerusi penyertaan perlbagai pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.
4. Ini membuktikan bahawa UTeM menerusi penglibatan bersama daripada pelbagai pihak berjaya melahirkan barisan staf dan mahasiswa yang berkebolehan, berkualiti tinggi dan seimbang dalam segenap aspek.

5. Lantaran itu, majlis hari ini amat bertepatan untuk diadakan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan dari pihak Universiti kepada semua warga UTeM yang telah mengharumkan nama UTeM selama ini.

SENARIO MAHASISWA MASA KINI

6. Mahasiswa masa kini hendaklah senantiasa bersedia untuk menempuhi pelbagai cabaran persekitaran yang amat kompleks. Perubahan global masa kini khususnya dalam era Revolusi Industri 4.0 amat memerlukan individu yang mempunyai kualiti peribadi yang menyeluruh merangkumi segenap aspek.
7. Ini termasuklah aspek kemahiran penyelesaian masalah yang kompleks, pemikiran kritikal dan kreatif, kebijaksanaan membuat keputusan, kebijaksanaan emosi dan lain-lain lagi.
8. Walau bagaimanapun, pelbagai pihak masih beranggapan bahawa mahasiswa masa kini sebagai golongan yang kian 'lesu'. Ini disebabkan mahasiswa kurang peka terhadap perkembangan isu-isu semasa, kurang

aktif dalam memberi respon persekitaran kerana fokus yang hanya diberikan terhadap hal ehwal akademik semata-mata.

9. Teguh dan rapuhnya pembangunan Negara secara keseluruhannya banyak dipengaruhi oleh siswazah yang diharapkan dapat membimbing dan memimpin industri, masyarakat, keluarga dan generasi akan datang.
10. Negara amat memerlukan siswazah yang holistik dan seimbang dalam keupayaan penggunaan potensi dan bakat diri. Ini tidak hanya tertumpu terhadap kecemerlangan akademik semata-mata namun turut mengambil kira pencapaian yang seimbang dalam pembelajaran luar kelas, seperti penglibatan aktif dalam aktiviti bersukan, kemasyarakatan dan sebagainya.

KEJAYAAN SUKAN UTeM

11. UTeM memandang tinggi terhadap keupayaan sukan dalam membentuk peribadi staf dan mahasiswa di samping memastikan warganya senantiasanya berada dalam keadaan sihat dan cergas. Oleh kerana itu, pembangunan sukan universiti adalah sangat di titik beratkan.
12. Antara inisiatif yang telah dijalankan oleh pihak UTeM adalah dengan penambahbaikan fasiliti serta kemudahan sukan. Sebagai contoh, menaiktaraf “Indoor Gymnasium” dan Bumbung Sesikat Lapang Sasar Memanah yang dijangka siap pada pertengahan tahun 2019.
13. Fasiliti tambahan ini merupakan inisiatif murni pihak Universiti dalam merancang dan menggalakkan lagi budaya gaya hidup sihat cergas di kalangan warganya.

14. Pembangunan sukan universiti juga dapat dilihat dengan kejayaan-kejayaan atlit-atlit UTeM dalam merangkul anugerah dan kemenangan di dalam pertandingan-pertandingan sukan yang berprestij tinggi.
15. Antaranya adalah:

Sukan penyertaan staf

- i. Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti-Universiti Malaysia (SUKUM) 2018. Secara keseluruhan, kontingen UTeM melepasi sasaran yang disasarkan dengan kutipan 5 Emas, 2 Perak dan 8 Gangsa.
- ii. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melantik Encik Mohd Zarlizan bin Zakaria menjadi jurulatih Chinlone bagi acara Chinlone di Asean University Games (AUG) 2018 yang berlangsung di Nay Pyi Taw, Myanmar dan hasil kepakaran beliau, atlet Chinlone telah menyumbang pingat Perak dalam acara tersebut.

Sukan penyertaan pelajar:

- i. Saudari Anis Amira Basri: berjaya merangkul tempat ketiga sempena Asean Petanque Championship 2018;
- ii. Saudara Hamdanwahid bin Rinaldi & Nor Aidil Hafiz bin Abdul Karim : juga merangkul tempat ketiga sempena The 2018 Daejeon MBC Cup Seocheon International Open, Taekwondo Championships; dan
- iii. Saudara Muhammmad Amin Syafiq bin Badrul Hisyam: meraih tempat kedua dalam Kejohanan Tahunan Malaysia-Thailand (MASTHAI) 2018.

PENGLIBATAN AKTIF DALAM SUKAN/PERSATUAN

14. Penglibatan aktif dalam sukan/persatuan dapat meningkatkan lagi keyakinan diri, semangat juang yang sihat, membina asas kepimpinan dan kerja berkumpulan.
15. Bukan itu sahaja, ia turut menyokong kepada Pembangunan Kemahiran Insaniah (*soft skill*) pelajar seperti kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, menyelesaikan masalah, kerja berpasukan dan sebagainya.
16. UTeM kini mempunyai lebih daripada 80 kelab dan persatuan. Platform yang disediakan oleh pihak Universiti ini membuktikan bahawa Universiti sentiasa memberikan sokongan penuh dalam pembentukan peribadi para pelajar yang seimbang.

PENUTUP

17. Syabas dah tahniah kepada semua penerima anugerah pada hari ini.
15. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar khususnya Pusat Sukan UTeM di atas sokongan, usaha dan perancangan teliti untuk meningkatkan lagi kualiti serta kecemerlangan pelajar UTeM.
17. Dengan mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif dalam sukan dan persatuan, ianya dapat mendorong ke arah hidup yang lebih cergas, sejahtera dan berkualiti. InsyaAllah.
18. Akhir kata, gunakanlah peluang yang ada, tonjolkan diri, melibatkan diri sebagai pasukan kerja yang proaktif, dinamik dan berdaya saing bagi memacu kecemerlangan UTeM sehingga ke peringkat tertinggi.

Merah Mawar Warna Memikat
Mekar Mewangi Hati Tertambat
Warga Cergas Produktiviti Meningkatkan

Hidup Berkualiti Negara Sihat

Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth. Terima kasih.